

Media Title : Sinar Harian  
Headline : Pencen, ganjaran arwah suami RM233,480 lesap ditipu Macau Scam  
Date : 27 January 2023  
Section : MAHKAMAH&JENAYAH  
Page : 14



## Pencen, ganjaran arwah suami RM233,480 lesap ditipu Macau Scam

**KUANTAN** - Seorang guru ke rugian RM233,480 selepas diperdaya sindiket Macau Scam yang kononnya mendakwa mangsa terlibat dengan aktiviti pengedaran barang-barang terlarang dan pengubahan wang haram.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata, penipuan itu bermula apabila mangsa berusia 55 tahun menerima panggilan telefon daripada individu yang menyamar sebagai pihak syarikat penghantaran barang pada 13 Januari lalu.

Menurutnya, panggilan mangsa kemudian disambungkan kepada pegawai polis dan dimaklumkan bahawa dirinya terlibat dengan aktiviti jenayah.

"Mangsa didakwa terlibat da-

lam pengedaran barang-barang terlarang dan kes pengubahan wang haram. Tanpa berfikir panjang, mangsa telah mendedahkan maklumat perbankan miliknya dan mula menyedari setelah 16 transaksi ke akaun lain telah dibuat.

"Kesemua wang simpanan dalam akaun miliknya yang merupakan ganjaran wang pencen arwah suaminya lesap," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Ramli menasihati orang ramai supaya jangan mendedahkan butir-butir perbankan kepada pi-



RAMLI

hak ketiga ataupun di dalam sebarang aplikasi daripada capaian yang mencurigakan.

"Jangan takut atau cemas apabila dihubungi atau didakwa terlibat dengan apa-apa jenayah oleh panggilan telefon yang mendakwa sebagai pihak berkuasa.

Beliau mem beritahu bahawa pihak penguasa tidak menjalankan apa-apa siasatan melalui panggilan telefon.

"Sentiasa semak dengan bala polis, bank atau pejabat berkaitan yang berhampiran untuk pengesahan," pesan beliau lagi.